

08/03/2003

Sidang OIC di Doha berjaya: Syed Hamid

PUTRAJAYA: Kuala Lumpur menganggap Sidang Kemuncak Tergempar Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Doha, Qatar, berjaya kerana pernyataan bersama yang dikeluarkan pertubuhan itu tidak dibantah mana-mana anggota.

Bagaimanapun, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata pelaksanaan resolusi yang dicapai terutama persetujuan negara Islam tidak mengambil bahagian dalam sebarang tindakan ketenteraan terhadap Iraq bergantung kepada negara di Asia Barat.

"Apabila nak laksanakan (pernyataan berkenaan) bukan bergantung kepada negara di luar wilayah Asia Barat," katanya selepas menerima kunjungan hormat rakan sejawatannya dari Thailand, Dr Surakiart Sathirathai di Wisma Putra, di sini semalam.

Sidang Kemuncak Tergempar OIC Isnin lalu sepakat menolak serangan Amerika Syarikat terhadap Iraq dan sebarang ancaman terhadap keselamatan mana-mana negara Islam lain.

Ia juga menggesa negara Islam tidak mengambil bahagian dalam sebarang tindakan ketenteraan terhadap wilayah Iraq dan negara Islam.

Pernyataan rasmi yang dikeluarkan selepas persidangan itu juga menolak sebarang percubaan melakukan perubahan di rantau Asia Barat, mencampuri urusan hal ehwal dalaman sesebuah negara atau tidak menghiraukan kepentingan keadilan.

Syed Hamid berkata, pada sidang berkenaan, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sekali lagi menegaskan bahawa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) hendaklah menghantar pasukan pelindung ke Palestin supaya kedua-dua pihak Israel dan Palestin dapat dipisahkan dan merujuk kepada meja rundingan semula.

"Negara-negara Islam di Timur Tengah mesti mempunyai keinginan menyelesaikan dua isu ini (Iraq dan Palestin) kerana ia bukan saja memberi kesan kepada rantau berkenaan tetapi di rantau ini," katanya.

Ditanya sama ada idea menggunakan minyak untuk menyekat peperangan dibangkitkan pada persidangan di Doha, Syed Hamid berkata, perkara itu tidak ditimbulkan.

Mengenai Mesyuarat Suruhanjaya Bersama Kesembilan antara Malaysia dan Thailand esok, Syed Hamid berkata, kedua-dua negara akan membincangkan isu-isu kepentingan bersama terutama di kawasan sempadan, ekonomi dan perdagangan.

"Thailand berminat membincangkan kerjasama sempadan terutama mengenai pergerakan (import) barangan antara kedua-dua negara," katanya sambil menambah Forum Asean Corporation juga akan turut disentuh dalam mesyuarat dua hala esok.

Pada masa sama, beliau berkata, Thailand menyatakan komitmen dan sokongan mereka kepada segala usaha Malaysia mengukuhkan Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM).